

25 JUL 1997

KEDUDUKAN RINGGIT MALAYSIA STABIL, KATA AFFIFUDIN

KUALA TERENGGANU, 25 Julai (Bernama) -- Kedudukan matawang negara berada dalam keadaan stabil walaupun terdapat serangan spekulasi mata wang di rantau ini oleh `penyangak' spekulasi.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Affifudin Omar berkata keadaan ringgit Malaysia agak teguh dan negara ini mampu untuk menentang permainan para spekulator itu.

"Keadaan ringgit yang kuat itu membuatkan kerajaan tidak bimbang dengan para spekulator dan kita boleh bertindak balas," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bot ronda laju kepada Polis Di Raja Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata kedudukan rizab luar negara sebanyak AS\$25 bilion (RM67.5 bilion) sementara inflasi negara rendah, iaitu 2.2 peratus dan kadar defisit akaun semasa negara juga semakin menurun.

Beliau berkata keadaan pertumbuhan ekonomi negara yang diramalkan oleh sesetengah pihak akan meningkat kepada 8.5 peratus tahun hadapan juga menguatkan kedudukan matawang ringgit negara.

Affifudin berkata perkembangan hasil eksport negara yang tinggi dan pengurangan kadar import juga mempengaruhi kestabilan defisit akaun semasa negara.

"Oleh itu kita ada kekuatan untuk bertindak balas dengan para spekulator dan mereka tidak mampu menggugat matawang kita...para spekulator menyerang negara yang mempunyai kadar defisit akaun semasanya yang teruk dan tidak mampu melawan balik permainan mereka itu," katanya.

Mengenai kejatuhan matawang ringgit beliau berkata ia berada ditahap kejatuhan yang agak kecil dan tidak secara mendadak.

Katanya naik dan jatuhnya sesuatu matawang itu adalah perkara biasa, dan matawang negara berada pada tahap yang kukuh berbanding dengan kedudukan matawang negara lain di kalangan negara Asean.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir sebagai berkata Asean memerlukan pendirian seragam bagi menangani masalah serangan spekulatif matawang negara anggotanya termasuk mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang bagi menyekatnya.

Menurut Dr Mahathir lagi kejatuhan nilai matawang negara Asean akibat permainan spekulator tertentu yang bermotifkan politik dan kerjasama anggota Asean akan mampu menangani masalah itu.

Mengenai tumpuan Belanjawan 1998 yang akan dibentangkan pada Okotober ini oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata tumpuan belanjawan adalah untuk memperlahankan pertumbuhan yang seimbang dengan mengekalkan kedudukan harga barangan.

Beliau berkata pertumbuhan ekonomi yang baik dan kadar inflasi yang rendah juga mempengaruhi keadaan ekonomi yang mapan di negara ini.

"Keadaan itu menunjukkan satu pertumbuhan yang baik dan ideal, yang sukar dicapai oleh banyak negara," katanya. -- BERNAMA

SBS MA